



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 NOVEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENUNTUT PhD TERUSKAN LEGASI HARUMANIS KELUARGA, GAYA LELAKI, UM -26	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	JABATAN PERIKANAN TEROKA PASARAN BAHARU IKAN HIASAN, ASTRO AWANI -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	BEKALAN IKAN DIJANGKA KURANG 10 PERATUS SUSULAN MONSUN TIMUR LAUT, SELANGOR KINI -ONLINE	
4.	BEKALAN IKAN KURANG 10 PERATUS SAHAJA, LOKAL, HM -20	
5.	KONTENA BERISI BATANG BULUH 6 TAN DENGAN BAHAN TERCEMAR DIHANTAR BALIK KE CHINA, BULETIN TV3 -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	MAQIS P.PINANG HANTAR PULANG BAMBOO STICK CHINA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
7.	MAQIS SEKAT CUBAAN MASUK BUAH TANPA CoC DI LTSIP, HAKAKAH DAILY -ONLINE	
8.	KONTENA BAWA LEBIH 6 TAN BATANG BULUH DARI CHINA DIARAH PATAH BALIK -MAQIS, BH -ONLINE	
9.	KONTENA BAWA BATANG BULUH DIARAH PATAH BALIK KE CHINA, BUTTERWORTH, SH -28	
10.	UUM-FAMA JALIN KERJASAMA STRATEGIK, UUM TODAY -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11.	NELAYAN BOT BESAR 'LARI' KE NEGERI LAIN, LOKAL, HM -20	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12.	PROJEK PERUMAHAN NELAYAN HANYA HARGA RM54,000, TIMUR, HAKAKAH -17	
13.	LKIM SASAR 100 TEKONG BARU CEBURI LAUT DALAM TAHUN DEPAN, SH -ONLINE	
14.	NELAYAN PANTAI TIMUR TERJEJAS MONSUN BAKAL DIBERI BANTUAN -LKIM, MEDIA MADANI -ONLINE	
15.	INDUSTRI NANAS MALAYSIA TEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA, SUARA TV -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16.	3 BERSAUDARA JUAL SAYUR 5 TAN SEHARI, SUNGAI SIPUT, SH -28	LAIN-LAIN
17.	DAHULU POLIS, KINI 'TAUKE' NANAS MD2, DALAM NEGERI, UM -32	
18.	PERKUKUH KESELAMATAN MAKANAN, BISNES, SH -30	
19.	DAGING KAMBING, BERAS, SAYUR PENYUMBANG TERBESAR IMPORT MAKANAN, DALAM NEGERI, UM 1 & 2	
20.	ANGGUR NEGARA EMPAT MUSIM BERBUAH DI GURUN, GURUN, SH -25	
21.	POISED TO BE MALAYSIA'S FOOD BASKET, MUKA DEPAN, THE STAR -1	
22.	REAPING A RICH BOUNTRY, NEWS, THE STAR -2	
23.	INNOVATIVE ANIMAL FEED MADE FROM LOCAL MORINGA LEAVES, NEWS, THE STAR -3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Penuntut PhD teruskan legasi harumanis keluarga

Oleh SYAHIRAH ZAKARIA
gayautusan@mediamula.com.my

TUGASAN sebagai pelajar ijazah doktor falsafah (PhD) bukan penghalang untuk anak jati Perlis ini meneruskan perniagaan harumanis milik keluarganya.

Muhammad Adib Hashim, 29, tidak kisah bergelar petani muda dan berbakti kepada tanah demi memastikan kebun peninggalan arwah bapanya kekal subur.

Sejak April lalu hingga kini, lebih 100 kilogram harumanis telah dijual di kebun yang menempatkan 55 pokok di Chuping itu.

Anak ketiga ini turut berganding bahu dengan empat adik-beradiknnya yang lain dalam menguruskan kebun tersebut dari segi logistik hingga ke pemasaran.

Katanya, minat pada bidang pertanian dipupuk hasil didikan bapanya, malah sejak kecil mereka diajar cara memahami tanah, bunga dan proses tumbuh-tumbuhan secara saintifik.

"Abah juga selalu bercerita tentang proses-proses sains yang berlaku di sekeliling kita antaranya bagaimana air bergerak dari satu sel ke sel lain dalam tumbuhan di samping kejadian osmosis dan pemindahan zat berlaku."

"Setiap penjelasan itu dapat mengajar saya tentang ilmu sains, di samping mengasah daya berfikir secara logikal dan kritikal," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas penuntut bidang kejuruteraan awam di



Minat pada bidang pertanian dipupuk hasil didikan bapanya, malah sejak kecil mereka diajar cara memahami tanah, bunga dan proses tumbuh-tumbuhan secara saintifik."

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ini, legasi yang diteruskan itu bukan hanya demi memajukan perniagaan, sebaliknya dapat mengeratkan ikatan kekeluargaan.

RUJUK KAJIAN

Menguruskan kebun bukan sesuatu yang mudah, lebih-lebih lagi dengan cabaran seperti serangan serangga dan penyakit tanaman.

Justeru, bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran dalam bidang itu, Muhammad Adib dan adik-beradiknnya sentiasa membaca dan merujuk pada kajian-kajian yang ada.

Antaranya, dari Jabatan Pertanian dan institusi pendidikan yang menjalankan penyelidikan berkaitan pertanian.

"Kami takut melakukan kesilapan sama ada dalam menguruskan pembungaan

atau mengawal serangan serangga.

"Oleh itu, kami banyak membaca kertas penyelidikan tentang harumanis, termasuk dari universiti Thailand, untuk memastikan kebun diuruskan dengan betul," ujarnya.

Menceritakan rutin belajarnya, Muhammad Adib berkata, jadualnya kini lebih fleksible berbanding sebelumnya.

"Sebagai pelajar PhD, saya tidak selalu terikat dengan kelas dan saya

boleh mengatur masa untuk bertemu penyelia di samping membuat penyelidikan sendiri.

"Kesempatan itu saya manfaatkan untuk kembali ke Perlis dan menguruskan kebun keluarga," katanya.

MISI POPULARKAN HARUMANIS

Harumanis merupakan buah yang unik kerana baunya wangi dan rasanya manis, berbeza dengan mangga lain. Bagi mempromosikan raja mangga itu, Muhammad Adib


aktif menggunakan platform media sosial TikTok termasuk berkongsi pengetahuan berkaitan tips penjagaan.

"Pada mulanya, saya hanya ingin berkongsi maklumat, tetapi saya terkejut apabila sambutan sangat positif," katanya.

Misi pemuda ini adalah untuk memperkenalkan harumanis kepada lebih ramai orang.

Harapannya agar seluruh rakyat Malaysia dapat menikmati keistimewaan dan keenakan buah tersebut.

LEBIH 100 kilogram harumanis dijual di kebunnya sejak April lalu.



MUHAMMAD Adib Hashim (kiri) bersama ahli keluarganya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Jabatan Perikanan teroka pasaran baharu ikan hiasan



Adnan Hussain berucap pada Majlis Peluncuran Wajah Baharu Akuarium Tunku Abdul Rahman di Institut Penyelidikan Perikanan, Batu Maung, dekat George Town, 20 Nov 2024. --fotoBERNAMA

GEORGE TOWN: Jabatan Perikanan akan meneroka pasaran baharu ikan hiasan iaitu ke Eropah, Timur Tengah dan China susulan potensi besar industri itu kepada ekonomi negara.

Ketua Pengarahnya Datuk Adnan Hussain berkata pihaknya terus komited dalam menyokong industri ikan hiasan dan membantu penternak tempatan mencapai kejayaan di pasaran global.

Beliau berkata ketika ini ikan hiasan Malaysia seperti ikan tropika antaranya arowana dan gapi banyak dieksport ke Singapura selain Hong Kong dan Taiwan.

"Ikan-ikan hiasan dari negara ini memang ada permintaan daripada peminatnya di luar negara sebab warnanya yang cantik, namun jumlahnya masih kecil, disebabkan itu kita mesti dapatkan laluan baharu untuk luaskan pemasaran ikan hiasan negara ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Adnan ditemui selepas merasmikan Majlis Peluncuran Wajah Baharu Akuarium Tunku Abdul Rahman (AkuaTAR) di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) di Batu Maung dekat sini.

Beliau berkata Jabatan Perikanan merancang untuk meningkatkan pengeluaran ikan hiasan sebanyak lima peratus menjelang 2030 berbanding 241.8 juta ekor pada 2023.



Adnan pada perasmian Majlis Peluncuran Wajah Baharu AkuaTAR di IPP, Batu Maung, semalam. -- fotoBERNAMA

Sementara itu, Adnan berkata AkuaTAR kini tampil dengan wajah baharu selepas menjalani proses baik pulih dengan keutamaan kepada pendidikan serta kesedaran alam sekitar.

Beliau berkata akuarium itu menawarkan pengalaman yang lebih interaktif serta pameran baharu yang menumpukan kepada

ekosistem marin Malaysia termasuk spesies terancam dan usaha pemuliharaan yang dijalankan jabatan itu.

"AkuaTAR kini menempatkan hampir 123 spesies ikan dalam 19 tangki air tawar, enam tangki ikan larangan import, 26 tangki ikan marin, lapan tangki tumbuhan akuatik dan pelbagai spesimen awet dan empat kolam sentuh," katanya.

Beliau menambah matlamat utama AkuaTAR pada 2025 adalah untuk memperoleh "Malaysian Tourism Quality Assurance" daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menjadi destinasi utama Tahun Melawat Malaysia 2026.



Adnan merasmikan wajah baharu AkuaTAR di Institut Penyelidikan Perikanan, Batu Maung, semalam. --fotoBERNAMA

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	SELANGOR KINI	ONLINE	

Bekalan ikan dijangka kurang 10 peratus susulan Monsun Timur Laut



GEORGE TOWN, 20 NOV: Jabatan Perikanan menjangkakan pengurangan 10 peratus bekalan ikan di negeri-negeri Pantai Timur memandangkan pengurangan pendaratan ikan ketika musim Monsun Timur Laut (MTL).

Bagaimanapun Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain berkata pihaknya telah mengambil langkah awal dan proaktif bagi memastikan

kestabilan bekalan ikan sepanjang tempoh MTL iaitu November hingga Mac tahun depan.

“Memang kita tak nafikan memang akan ada pengurangan tetapi ia membabitkan kawasan Pantai Timur Semenanjung manakala di Pantai Barat seperti di Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan juga Perak aktiviti (menangkap ikan) di laut dan lain-lain masih boleh dilakukan seperti biasa.

“Jadi kita jangkakan kekurangan bekalan ikan di Pantai Timur itu akan ditampung dengan bekalan ikan dari Pantai Barat dan melalui aktiviti akuakultur termasuklah ikan-ikan marin seperti siakap, kerapu, ikan bawal emas dan juga ikan-ikan air tawar kita seperti keli, tilapia dan juga ikan patin,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas merasmikan Majlis Peluncuran Wajah Baharu Akuarium Tunku Abdul Rahman (AkuaTAR) di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) di Batu Maung dekat sini hari ini.

Adnan berkata pihaknya memberi jaminan bekalan ikan akan mencukupi sepanjang tempoh MTL meskipun dijangka berlaku sedikit kenaikan harga runcit ikan dan pihaknya juga mengambil beberapa langkah bagi menstabilkannya.

Selain itu katanya pihaknya juga telah membuat persiapan menyimpan ikan sejuk beku yang merupakan stok penimbal bagi memastikan bekalan ikan sentiasa mencukupi sepanjang musim tengkujuh.

Menurut Adnan pengeluaran ikan marin negara secara keseluruhan kekal stabil sekitar 1.2 juta tan metrik setiap tahun walaupun berlaku MTL.

Sementara itu, beliau menasihati nelayan sampan supaya tidak turun ke laut sekiranya keadaan cuaca tidak menentu sepanjang tempoh itu dan sentiasa mengikuti perkembangan berkaitan daripada Jabatan Meteorologi.

Bagi nelayan sampan yang terjejas akibat tidak dapat turun ke laut pula, beliau berkata kerajaan telah menyediakan beberapa sokongan termasuk bantuan sara hidup untuk meringankan beban mereka.

“Kita menasihatkan nelayan agar mengutamakan keselamatan diri dan memantau ramalan cuaca sebelum turun ke laut serta memanfaatkan tempoh MTL ini dengan membaik pulih peralatan menangkap ikan atau menjalankan aktiviti tambahan untuk memperoleh pendapatan,” katanya.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	20

Bekalan ikan kurang 10 peratus sahaja

Pengeluaran ketika tengkujuh dijamin konsisten dengan ditampung sektor akuakultur

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

Georgetown

Jabatan Perikanan memberi jaminan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara meskipun hasil tangkapan laut di perairan pantai timur Semenanjung dijangka berkurangan sekitar 10 peratus sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) yang di ramal berterusan hingga Mac depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata kekurangan itu ditampung sektor akuakultur membabitkan aktiviti penternakan ikan marin seperti siakap, kerapu, bawal emas selain spesies ikan air tawar seperti keli, tilapia dan patin.

Katanya, kegiatan menangkap hasil laut berjalan seperti biasa di kawasan pantai barat di Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis dan tidak menolak kemungkinan ikan dari negeri berkenaan turut dibekalkan kepada pengguna di pantai timur bergantung kepada permintaan pasaran.

"Pengeluaran ikan marin di negara kita sekitar 1.2 juta tan metrik setahun dan angka tersebut konsisten."

"Kalau ikut bilangan bot nelayan lebih banyak di pantai barat jadi kita jangka kekurangan itu lebih kurang 10 peratus daripada pengeluaran di pantai timur sebab sepanjang tempoh November hingga Mac dan sebenarnya angka itu tidak besar pada angapan dan pemerhatian kita," katanya.

Adnan berkata demikian



"Pengeluaran ikan marin di negara kita sekitar 1.2 juta tan metrik setahun dan angka tersebut konsisten"

Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan,
Adnan Hussain

pada Majlis Peluncuran Wajah Baharu Akuarium Tunku Abdul Rahman (AkuaTAR) di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP), Batu Maung dekat sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut memantau bekalan ikan dalam negara dan persediaan dilakukan lebih awal sebelum peralihan monsun termasuk membabitkan agensi dipertanggungjawabkan mengawasi bekalan stok penimbal ikan bagi menampung kekurangan bekalan.

Adnan turut menasihati nelayan pantai mengutamakan keselamatan diri pada musim tengkujuh dan sentiasa mengikuti perkembangan maklumat semasa daripada Jabatan Meteorologi (MET Malaysia) selain berusaha mencari sumber pendapatan alternatif sepanjang MTL.

BEKALAN IKAN DI KELANTAN SUSUT 10,000 TAN METRIK SETAHUN

Nelayan bot besar 'lari' ke negeri lain

Pasir Puteh: Jumlah pendaratan ikan di Kelantan merosot iaitu 10,000 tan metrik setiap tahun dan berada di kedudukan ke-11 daripada 13 negeri.

Kemerosotan pendaratan ikan di Kelantan berpunca kebanyakan nelayan vesel C2 di negeri ini berhijrah ke Terengganu, Pahang, dan juga Johor.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil berkata, keadaan itu berlaku disebabkan keadaan perairan di Kelantan semakin cetek menyukarkan kapal vesel C2 mendarat.

Katanya, situasi yang berlaku itu menyebabkan kapal vesel C2 di Pelabuhan Tok Bali dan Kuala Besar di sini, berkurangan.

Beliau berkata, kompleks pendaratan ikan di Kuala Besar di sini, memerlukan kerja pengorekan pasir atau laut yang semakin cetek.

"Keadaan ini menyukarkan bot besar mendaratkan ikan. Justeru, mereka memilih berhijrah ke tempat yang menjanjikan pulangan lebih baik."

"Pada masa sama, prasarana lengkap di pelabuhan lain menyebabkan nelayan berpindah tempat."



MUHAMMAD Faiz (tiga dari kiri) menyerahkan geran kepada usahawan ketika Majlis Penyerahan Traktor Di Bawah Program Mekanisasi Dan Automasi 2024 Dan Penyampaian Program Industri Asas Tani di Pantai Pachakan. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

han lain menyebabkan nelayan berpindah tempat.

"Ia secara tidak langsung memberikan kesan kepada ekonomi di Kelantan apabila peluang perniagaan dan pekerjaan kepada anak negeri itu terjejas disebabkan kemerosotan industri perikanan."

"Sedangkan kita lihat

perairan laut Kelantan cukup luas. Sudah pasti hasil tangkapannya baik dan dalam hal ini kita harus meningkatkan usaha mengembalikan semula nelayan Kelantan," katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, pihaknya mencari pelbagai mekanisme bagi membo-

lehkan Pelabuhan Tok Bali kembali rancak sebagai mana disasarkan.

"Di Tok Bali ada tanah luas, namun sehingga kini kita belum berjaya mencari pelabur membuka kilang pemprosesan ikan di kawasan berkenaan."

"Apabila kita ada kilang pemprosesan ikan, vesel ini mendarat di Tok Bali disebabkan mereka tahu ada hasil yang dibeli secara cepat," katanya.

Terdahulu beliau menyempurnakan Majlis Penyerahan Traktor Di Bawah Program Mekanisasi Dan Automasi 2024 Dan Penyampaian Program Industri Asas Tani di Pantai Pachakan.

Pada majlis berkenaan, Muhammad Faiz Fadzil menyerahkan traktor bernilai RM72,080 kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Semarak, Zahari Mamat mewakili nelayan Pantai Pachakan.

Pada majlis sama, satu penyerahan Geran Agropreneur Muda (GAM) dan dua penyerahan Program Geran Pemadanan Change Upgrade Product (CUP) dengan nilai keseluruhan RM116,521.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Kontena berisi batang buluh 6 tan dengan bahan tercemar dihantar balik ke China



BUTTERWORTH: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang telah mengarahkan kontena dagangan berisi batang buluh (Bamboo Sticks) dari negara China seberat 6,025 kilogram berpatah balik ke negara asal.

Menurut Maqis, dagangan yang dianggarkan bernilai RM 47,701.67 itu telah ditahan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth NBCT Pulau Pinang, di sini, pada hari ini.

Katanya, bahan import itu tidak dibenarkan masuk ke dalam negara selepas pemeriksaan rutin mendapati terdapat maklumat yang berbeza dan mengelirukan pada dokumen import serta penemuan bahan cemar pada barang dagangan berkenaan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

“Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

“Kes ini juga disiasat mengikut Seksyen 14(b), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mana-mana orang yang mengimport melalui pintu masuk, stesen kuarantin atau premis kuarantin apa-apa tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang dipercayai mempunyai perosak, penyakit atau bahan cemar melakukan suatu kesalahan.

“Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” Maqis berkata dalam kenyataan, hari ini.

Maqis juga mengingatkan kepada semua pemain industri agar sentiasa merujuk dan mematuhi syarat-syarat perdagangan import dan eskport negara.

Katanya, sebarang perbuatan yang tidak mematuhi syarat adalah menjadi suatu kesalahan dan tindakan tegas akan dikenakan.

Tiada kompromi akan diberikan kepada mana-mana syarikat yang melanggar ketetapan undang-undang demi menjamin keselamatan dan keterjaminan industri pertanian negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Maqis P.Pinang hantar pulang Bamboo Stick China



Dagangan seberat 6,025 kilogram yang dianggarkan bernilai RM47,701 itu dibawa masuk ke negara ini menerusi Pelabuhan Pangakalan Kontena Butterworth, Pulau Pinang hari ini.

BUTTERWORTH – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang mengarahkan kontena dagangan Bamboo Sticks dari China berpatah balik ke negara asal.

Maqis dalam kenyataan berkata, dagangan seberat 6,025 kilogram yang dianggarkan bernilai RM47,701 itu dibawa masuk ke negara ini menerusi Pelabuhan Pangakalan Kontena Butterworth, di sini, hari ini.

“Dagangan itu tidak dibenarkan masuk ke dalam negara susulan terdapat maklumat berbeza dan mengelirukan pada dokumen import.

“Selain itu, kita turut menemui bahan cemar pada barang dagangan berkenaan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan Seksyen 14(b) akta sama” katanya.

ADVERTISEMENT

Sehubungan itu, Maqis mengingatkan semua pemain industri agar sentiasa merujuk dan mematuhi syarat-syarat perdagangan import dan eskport negara.

“Sebarang perbuatan yang tidak mematuhi syarat adalah menjadi suatu kesalahan dan tindakan tegas akan dikenakan.

“Kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar ketetapan undang-undang demi menjamin keselamatan dan keterjaminan industri pertanian negara,” katanya. – MalaysiaGazett

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAQIS sekat cubaan masuk buah tanpa CoC di LTSIP



KOTA BHARU: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), berjaya menahan seorang wanita warga Indonesia dari 'bolos' membawa masuk avokado dan jambu batu dari negara itu.

Wanita berusia 33 tahun dan merupakan pembantu rumah ditahan di pintu masuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) selepas didapati membawa avokado dan jambu batu dari negara itu tanpa dokumen sah serta Sijil Perakuan Pematuhan (CoC).



Ketua Pintu Masuk Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Mohd Ariwadi Mohd Salleh berkata, wanita itu mendakwa majikannya mengidam buah berkenaan.

Menurut beliau, ketika kejadian Ahad minggu lepas, wanita itu baru pulang dari Indonesia dan pemeriksaan di dalam beg pakaiannya mendapati terdapat kira-kira 8 kilogram avokado dan jambu batu.

"Dua jenis buah itu antara yang dirampas ketika cubaan membawa masuk melalui pintu masuk LTSIP," katanya melalui kenyataan media hari ini.

Jelas beliau, rampasan itu dilakukan ketika pemeriksaan rutin dengan kerjasama bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Tambahnya, tindakan itu bertujuan mengawal kemasukan komoditi pertanian yang berisiko termasuk kehadiran serangga perosak dan penyakit.

Mohd Ariwadi menjelaskan, jika terlepas ia boleh memberi kesan kepada industri pertanian dalam negara.

"Perbuatan mengimport produk pertanian tanpa CoC menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), Akta sama," katanya. – **HARAKHADAILY 20/11/2024**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kontena bawa lebih 6 tan batang buluh dari China diarah patah balik - MAQIS



Penguat kuasa MAQIS Pulau Pinang memeriksa kontena berisi dagangan batang buluh dari China di Pelabuhan Kontena Butterworth (NBCT). - Foto ihsan MAQIS Pulau Pinang

BUTTERWORTH: Kontena membawa lebih enam tan dagangan berisi batang buluh dari China diarah berpatah balik ke negara asal.

Arahan dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang susulan pemeriksaan rutin di Pelabuhan Kontena Butterworth (NBCT), di sini pagi tadi.

MAQIS negeri melalui kenyataan berkata, hasil pemeriksaan terhadap dagangan seberat 6,025 kilogram (kg) bernilai lebih RM47,000 itu menemukan maklumat berbeza dan mengelirukan pada dokumen import.

Selain itu, terdapat juga penemuan bahan cemar pada barang dagangan berkenaan.

"Oleh itu, kontena terbabit ditahan dan tidak dibenarkan masuk ke negara ini sebelum diarahkan untuk berpatah balik ke negara asal," katanya hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta MAQIS 2011 (Akta 728) dan Seksyen 14(b) akta sama.

MAQIS mengingatkan semua pemain industri sentiasa merujuk dan mematuhi syarat perdagangan import dan eksport negara.

"Sebarang perbuatan tidak mematuhi syarat menjadi kesalahan dan tindakan tegas akan dikenakan," katanya.

21/11/2024

SINAR

28

HARIAN

NEGERI

3 bersaudara jual sayur 5 tan sehari

Bermula sebagai penanam, kini turut menjadi peraih

Oth Saifullah Ahmad

SUNGAI SIBUT

mpian tiga bersaudara menjadi pelopor dalam bidang pertanian ini, kini telah buktikan kemampuan mereka dan berkembang menjadi lima tan sehari.

Khairul Faiez Ahmad, 37, dan Hayati Shahrul Ahmad, 37, dan Hayati Shahrul Ahmad, 41, beriya berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu.

Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu.

"Alhamdulillah, sejak lebih 20 tahun men-

cabuti bidang pertanian ini, kami telah buktikan kemampuan mereka dan berkembang menjadi lima tan sehari.

"Setiap hari kira-kira empat hingga lima tan metrik sayur di- pasarkan tidak termasuk untuk mereka dan berkembang menjadi lima tan sehari.

Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu.

Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu.



Khairul Faiez (berdiri, kiri), Hayati Anwar (duduk, kanan) dan Shahrul Ahmad (duduk, kiri) menjual sayur di pasar raya.

Niaga Sdn Bhd menjadi peraih sayur di pasar raya. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu. Mereka berketurunan Melayu dan berketurunan Melayu.

Kontena bawa batang buluh diarah patah balik ke China

BUTTERWORTH - Jabatan Perdagangan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa (Majlis Perdagangan Antarabangsa) diarahkan untuk membatalkan import batang buluh dari China kerana melanggar peraturan perdagangan antarabangsa.

Pengarah Majlis Perdagangan Antarabangsa, Muhammad Iqbal bin Abdul Halim, berkata pihaknya telah menerima maklumat bahawa ada beberapa orang yang menjual batang buluh dari China di pasaran tempatan.

Muhammad Iqbal bin Abdul Halim berkata, pihaknya telah menerima maklumat bahawa ada beberapa orang yang menjual batang buluh dari China di pasaran tempatan. Beliau berkata, pihaknya telah menerima maklumat bahawa ada beberapa orang yang menjual batang buluh dari China di pasaran tempatan.



Pegawai Majlis Perdagangan Antarabangsa memeriksa pada kontena yang berisi batang buluh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	UUM TODAY	ONLINE	

UUM – FAMA jalin kerjasama strategik

KUALA LUMPUR, 19 November 2024 – Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) dan Pusat Jaringan Universiti-Industri (CUIC) mengadakan mesyuarat penyelarasan kerjasama.

pertemuan ini susulan daripada kunjungan hormat Bahagian Pembangunan Modal Insan FAMA ke Pusat Pengajian Sains Kuantitatif Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Mesyuarat ini bertujuan membincangkan cadangan kerjasama sinergi dalam penyelidikan bersama pihak FAMA berkaitan potensi teknologi IOT dalam produk tempatan ke pasaran global.



Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Faisal Iswardi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA disertai staf UUM antaranya Prof. Dr. Chandrakantan a/l Subramaniam, Pengarah CUIC, Prof Madya Dr Nerda Zura Zaibidi, Timbalan Dekan Penyelidikan & Inovasi dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, dan Prof Madya Dr Rosshairy Abdul Rahman, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif.

Mesyuarat ini juga turut membincangkan peluang kerjasama dalam pembangunan akademik, konsultasi dan program latihan.

Hasil inisiatif ini adalah ke arah untuk memeterai Surat Perjanjian Menjalinkan Kerjasama (LoI) antara UUM dan FAMA sebagai permulaan.

Mesyuarat ini diharapkan dapat memperluas skop pemasaran dan memupuk kerjasama antarabangsa melalui komitmen bersama untuk menyokong industri agro-makanan Malaysia.

Projek Perumahan Nelayan hanya harga RM54,000

BESUT: Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Beting Lintang, Besut kini siap lebih 90 peratus siap.

Projek itu melibatkan pembinaan 50 unit rumah dengan harga RM154,000 seunit.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, rumah berkenaan akan diberi kepada nelayan secara sewa beli dengan harga RM54,000.

Katanya, disasarkan Mac tahun hadapan penyerahan kunci kepada bakal penghuninya akan dapat dilaksanakan.

“Semasa Majlis Pecah Tanah Projek PSN ini kira-kira dua tahun lepas, ramai yang tidak percaya dan menganggap ia hanya ucapan politik.


“Percaya atau tidak tapi inilah kenyataannya,” katanya pada hantaran di laman Facebook miliknya pada Khamis.

Menurut beliau, senarai akhir bakal panghuni dalam penelitian Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan akan ditemui dalam masa terdekat.

Selain di Beting Lintang, dua lagi projek serupa sedang dilaksanakan di Pulau Skepeng, Kemaman dan Seberang Penarik, Setiu.

Kata beliau keseluruhan tiga Projek melibatkan kos RM23 juta dibayar secara bersama LKIM dan kerajaan negeri.

Dr Azman yang juga Adun Jabi berkata, projek itu bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan nelayan, khususnya mereka kategori B40 belum memiliki rumah atau tinggal di rumah yang usang.



Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Beting Lintang, Besut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

LKIM sasar 100 tekong baru ceburi laut dalam tahun depan



Muhammad Faiz (duduk, depan tiga dari kanan) bersama penganjur dan peserta pada Seminar Kenegaraan Madani di Auditorium STDC Kuala Selangor pada Rabu.

KUALA SELANGOR - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyasarkan seramai 100 tekong tempatan dapat dilahirkan terutama belia di negara ini sekali gus mengelakkan sektor itu dimonopoli pekerja warga asing.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, tekong muda ini diharap dapat membantu menangani isu kekurangan tekong warga tempatan khususnya bagi bot nelayan laut dalam.

Menurut beliau, antara punca utama belia kurang berminat dalam sektor itu kerana masa pekerjaan itu yang tidak menentu.

"Mereka yang menjadi tekong ini biasanya mengambil masa empat ke lima hari, malah bagi tekong bot C2 pula mungkin sehingga dua minggu berada di laut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Seminar Kenegaraan Madani di Auditorium Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) Kuala Selangor di sini pada Rabu.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu meluahkan kebimbangan berikutan negara berdepan kekurangan tekong tempatan berpengalaman yang ketara untuk kapal nelayan tempatan, terutama bagi perikanan laut dalam.

Muhammad Faiz berkata, dalam usaha menangani isu kekurangan tekong nelayan, pihaknya sedang mengadakan kolaborasi dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi menyediakan kursus bersesuaian kepada belia untuk menceburi sektor berkenaan.

Beliau memberitahu, pada masa ini terdapat dua pusat latihan disediakan DOF iaitu di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizuddin Shah, Setiawan, Perak dan Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu.

"Tugas LKIM adalah untuk menguruskan soal kebijakan nelayan dan taraf sosial kehidupan golongan ini.

"Kita juga menjalin kerjasama erat dengan kumpulan belia nelayan dan menggalakkan mereka menyertai pusat latihan disediakan DOF," tambah beliau.

Mengulas mengenai program itu, Muhammad Faiz berkata, golongan guru diharap menjadi penggerak bagi membentuk pemikiran anak-anak tentang kenegaraan.

Ujar beliau, pembangunan sesebuah negara perlu digerakkan oleh rakyatnya sendiri dan ia menjadi tanggungjawab semua pihak.

"Ini bukan soal politik, tetapi bagaimana kita hendak membina negara yang lebih cemerlang untuk masa depan anak-anak.

"Mereka tentunya mengharapkan masa depan yang baik, aman, harmoni dan sejahtera ini kekal serta dapat dipertahankan," jelas beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2024	MEDIA MADANI	ONLINE	

Nelayan Pantai Timur terjejas monsun bakal diberi bantuan – LKIM



